



AKSI
SETEMPAT

Arena mengalui-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini. Artikel serta gambar boleh dihantar ke sukan@mediaprima.com.my

Oleh Redzuan Muhamam

am@hmetro.com.my

Pasir Gudang

Pasukan alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Ex-Angels muncul juara Kejohanan Ragbi Piala Menteri Besar Johor selepas menewaskan tuan rumah, Kelab Ragbi Beringin Rendang (KRBR) di Padang Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), baru-baru ini.

Berikutan kemenangan itu, Ex-Angels meraih hadiah wang tunai RM4,000, pingat, piala iringen dan Piala Menteri Besar Johor. KRBR pula menerima wang tunai RM2,000, pingat serta piala iringen.

Tempat ketiga milik Kelab Ragbi Kariyaki yang menerima RM1,000, pingat serta piala iringen.

Mohd Faiz Abdul Rashid dari pasukan Ex-Angels dinobat pemain terbaik kejohanan itu.

Kapten Ex-Angels Adam Abdullah, 25, terkejut dengan keputusan itu kerana tidak meletakkan sasaran untuk meraih kejuaraan.

"Komitmen kerja menyebabkan kami hanya sempat menjalani latihan pada saat akhir, tiga hari sebelum kejohanan bermula.

FAKTA
Ex-Angels raih hadiah wang tunai RM4,000, pingat, piala iringen

Kejutan Ex-Angels

■ Mohd Faiz pemain terbaik Piala MB Johor

PEMAIN Ex-Angels bergambar bersama hadiah dan trofi dimenangi.



Disebabkan itu, kami tidak meletakkan sebarang harapan untuk meraih kemenganan kerana menyedari kehebatan pasukan lain," katanya.

Menurut Adam, kejohanan itu amat mencabar kerana pasukan-

nya terpaksa menghadapi tentangan sangat pihak lawan dari awal hingga akhir perlawanan.

"Antara detik paling mencabar ketika menentang Kariyaki di separuh akhir kerana kemampuan fizikal dan mental kami teruji na-

mun kesungguhan setiap pemain di atas padang membolehkan kami mara ke akhir dan meraih kejuaraan ini," katanya.

Kejohanan anjuran KRBR itu disertai 24 pasukan bagi merebut Piala Menteri Besar Johor yang ju-

lung kali diadakan.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Presiden Kesatuan Ragbi Johor Mohd Norazam Osman yang turut dihadiri Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pasir Gudang Azman Jaafar.